

Maut rempuh penghadang tol

*Mangsa tersepit,
meninggal di
tempat kejadian*

MASTURAH SURADI

KOTA TINGGI

Seorang lelaki maut selepas Perodua Bezza dipandu merempuh penghadang tol di Plaza Tol Penawar Lebuhraya Senai-Desaru, pagi semalam.

Kejadian jam 9.55 pagi itu menyebabkan mangsa dikenali sebagai Kan Yew Chun, 26, beralamat di Taman Daya maut di lokasi kejadian.

Ketua Polis Daerah Kota Tinggi, Superintendan Ahsmon Bajah berkata, siasatan awal mendapati kemalangan dipercayai berlaku apabila Perodua Bezza dipandu mangsa dari arah Bandar Penawar menghala ke Senai hilang kawalan.

"Kenderaan terbabit merempuh batu penghadang tol



Anggota bomba membantu kerja menyelamatkan. Gambar kecil: Yew Chun

Plaza Tol Penawar.

"Kemalangan tersebut menyebabkan mangsa tersepit dan disahkan meninggal dunia di tempat kejadian.

"Mayat mangsa dihantar ke Hospital Kota Tinggi untuk bedah siasat," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dalam pada itu, lapan anggota Balai Bomba Penyelamat Bandar Penawar ke lokasi kejadian bagi melakukan kerja menyelamatkan.

Difahamkan, mangsa dikeluarkan orang awam sebelum bomba tiba di tempat kejadian.